

Najib Tiba Di Vietnam Untuk Lawatan Rasmi Tiga Hari Bernama

3 Apr, 2014

Oleh Rhoma Ahmad Razali

HANOI, 3 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tiba di sini bagi memulakan lawatan rasmi tiga hari di Vietnam.

Beliau yang berlepas dari Perth, Australia, tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa No Bai, di sini pada pukul 9.30 malam waktu tempatan.

Ketibaan Najib yang diiringi isteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman disambut oleh Duta Besar Malaysia di Vietnam Datuk Azmil Zabidi, Timbalan Menteri Luar Vietnam Pham Quang Vinh dan Duta Vietnam ke Malaysia Nguyen Hong Thao.

Perdana Menteri kemudian terus dibawa ke hotel penginapan di sini.

Di situ, Najib disambut Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob selain kakitangan kedutaan Malaysia di sini.

Esok, Najib dijadual mengunjungi Presiden Vietnam, Truong Tan Sang di Istana Presiden sebelum mengadakan pertemuan empat mata dengan rakan sejawatnya, Nguyen Tan Dung.

Selepas itu perdana menteri akan melawat dan menunaikan solat Jumaat di Masjid Annur di sini sebelum merasmikan projek perumahan dan perbandaran Gamuda City di sini, bernilai US\$3 bilion (RM9.85 bilion) yang dimajukan syarikat Gamuda Berhad dari Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1027396>